



KENYATAAN MEDIA

LAPORAN AKHBAR MENGATAKAN RAMAI PENTERNAK AYAM GULUNG TIKAR

17 OGOS 2017

1. Secara keseluruhan terdapat 2676 penternak ayam yang berdaftar di bawah DVS. Sehingga kini hanya 38 buah ladang yang ditutup dimana jumlah ini mewakili hanya 1.4% daripada jumlah sebenar penternak. Sebab-sebab penutupan adalah
 - i. Kacauganggu pencemaran bau
 - ii. Kacauganggu lalat
 - iii. Berhampiran dengan ladang babi
 - iv. Isu pemilikan tanah
 - v. Kedudukan ladang yang berdekatan dengan kawasan industri
 - vi. Masalah kewangan (melibatkan 3 ladang sahaja)
2. Sejak 2004, harga siling ayam telah dihapuskan. Walaubagaimana pun, KPDNKK mengawal harga ayam bulat (Super dan Standard) runcit semasa musim perayaan sahaja.
3. Mengenai dakwaan bahawa permintaan melebihi pengeluaran juga tidak benar kerana kadar sara diri bagi pengeluaran ayam pedaging adalah pada kadar 107% manakala untuk penelur adalah 113%. Ini bermakna pengeluaran melebihi permintaan.
4. Tiada kes positif HPAI (AI) selama 3 bulan maka pada tarikh 1 Julai 2017, Malaysia telah menghantar data untuk pengesyoran Negara bebas HPAI daripada OIE (*World Organization for Animal Health*). Tiada laporan kejadian kematian ayam yang luar biasa dilaporkan sehingga kini.
5. Oleh yang demikian kenyataan ramai penternak ayam yang gulung tikar adalah tidak tepat.

Disediakan:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar

17 Ogos 2017.